

PPUMS, DBP anjur

Wacana Ilmu 'Pasca 5 Mei'

UB 20.6.2013 110

KOTA KINABALU: Penganjuran Wacana Ilmu 'Pasca 5 Mei' diharapkan dapat memberi maklumat yang lebih tepat kepada masyarakat mengenai keputusan pilihan raya umum lalu, yang berpihak kepada kemenangan Barisan Nasional (BN).

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata penganjuran program itu antara usaha yang dijalankan bagi menghalang masyarakat daripada terus menerima maklumat yang tidak benar.

Katanya, sehingga hari ini, masih terdapat pihak tertentu yang tidak dapat menerima kemenangan BN dan pelbagai tohmahan dan maklumat yang tidak tepat disebarikan dalam lama sosial untuk mempengaruhi masyarakat sehingga mewujudkan sentimen yang negatif terhadap pucuk pimpinan dan negara.

"Keadaan seperti ini jika dibiarkan dan tidak dibendung oleh pelbagai pihak, maka ia akan menggugat kesejahteraan negara,"katanyaketikaberucap sempena Majlis Perasmian Wacana Ilmu 'Pasca 5 Mei' di Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS, di sini kelmarin.

Dengan itu, penganjuran program ini dilihat sebagai pendekatan yang paling

tepat untuk membendung maklumat yang tidak benar untuk terus disebarikan kepada masyarakat.

Menurutnya, kemenangan BN yang berjaya membentuk kerajaan adalah hasil sumbangan besar daripada kemenangan majoriti di negeri Sabah dan Sarawak.

Ini berikutan dalam tempoh empat tahun lepas, kedua-dua negeri ini menyaksikan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dalam bidang ekonomi, politik dan sosial telah dilaksanakan dengan baik sehingga membuahkan hasil yang berjaya meningkatkan kesejahteraan hidup dan kemakmuran negara.

Program yang dianjurkan oleh Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik UMS (PPUMS) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) itu menyaksikan tiga orang ahli panel yang terdiri daripada Pendaftar UMS Lt. Kol (K) Datuk Abdullah Mohd Said; Naib Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) merangkap Yang Dipertua DPMM Sabah Datuk Ag Buhtamam Ag Mahmud; serta Kolumnis DBP Dr Jeniri Amir.

Moderator program itu ialah Presiden PPUMS, No'man Datuk Ahmad.